

Terma & Syarat Penyewaan

1. Penyewa Kenderaan

- a. Penyewa mestilah berumur **21 tahun ke atas**.
- b. Semua pemandu wajib memegang **Lesen Memandu Kelas D Malaysia** yang sah dan terkini.
- c. Pemalsuan dari segi identiti dan maklumat yang diberikan akan dikenakan tindakan undang-undang.
- d. Tidak dibenarkan menukar pemandu tanpa kebenaran syarikat.

2. Pematuhan Undang-undang

- a. Penyewa tidak dibenarkan terlibat dalam sebarang aktiviti jenayah atau melanggar undang-undang Malaysia.
- b. Sila patuhi had laju yang dibenarkan sepanjang tempoh sewaan. Sekiranya didapati memandu laju, pihak syarikat berhak menahan deposit yang dibayar sepanjang tempoh semakan saman.

3. Caj Kerosakan

- a. Sebarang kerosakan dalaman atau luaran akan dikenakan mengikut tahap kerosakan.
- b. Semua kerosakan yang berlaku dalam tempoh sewaan adalah tanggungjawab penyewa, sama ada atas kesalahan sendiri atau pihak ketiga.
- c. Bagi kemalangan kecil yang kos pembaikan adalah rendah, penyewa perlu membayar dalam bentuk tunai dan memastikan kereta tersebut dapat diperbaiki dalam tempoh kurang 3 hari.
- d. **Excess fee (RM2500-RM5000)** mengikut kelas kenderaan akan dikenakan sekiranya kenderaan mengalami kemalangan teruk yang kos pembaikan adalah tinggi dan memerlukan tuntutan insurans.
- e. Pelanggan hendaklah membeli “**Collision Damage Waiver**” untuk mendapat perlindungan insurans penuh sepanjang tempoh sewaan, dengan membayar 15% tambahan daripada jumlah kos penyewaan.
- f. Sila ambil gambar setiap sudut kenderaan yang disewa semasa menerima kenderaan tersebut.

4. Tindakan Undang-undang

- a. Syarikat berhak mengambil tindakan undang-undang dan membuat laporan polis terhadap penyewa yang melanggar terma dan syarat.
- b. Syarikat **berhak senarai hitam/ CTOS** pelanggan yang tidak menjelaskan segala bentuk pembayaran yang tertunggak.

5. Larangan Menukar Bahagian Kenderaan

- a. Menukar atau mengambil sebarang bahagian kenderaan sewaan adalah tidak dibenarkan.
- b. Sekiranya didapati bersalah, syarikat tidak teragak-agak melaporkan kepada pihak berkuasa.

6. Tanggungjawab Denda/Penalti

- a. Sebarang denda oleh pihak berkuasa trafik/parkir semasa tempoh sewakan adalah **tanggungjawab penyewa/pemandu**.

7. Sekuriti Deposit Kenderaan

- a. RM100 untuk kereta kompak. (Axia, Myvi, Saga)
- b. RM300 untuk Hyundai Starex/Vellfire/Staria/Hiace/Hilux.
- c. RM500 untuk Toyota Alphard

8. Pengesahan Tempahan

- a. Tempahan hanya disahkan setelah syarikat menerima deposit.
- b. **Pembatalan** atau **pengurangan tempoh sewaan** selepas menerima tempahan akan menyebabkan **deposit burn**.
- c. E-invoice akan diberikan sekiranya diperlukan oleh pelanggan

9. Pemulangan Deposit

- a. Deposit akan dikembalikan selepas kenderaan dipulangkan sekiranya kenderaan yang disewa tidak mengalami sebarang betuk kerosakan fizikal.

10. Kegunaan kenderaan

- a. Dilarang menggunakan kenderaan yang disewa dalam segala bentuk perlumbaaan, *off-road*, penyewaan semula kepada pihak ketiga tanpa kebenaran syarikat.

11. Sambungan Tempoh Sewaan

- a. Sebarang sambungan tempoh sewaan mesti dimaklumkan kepada pihak syarikat **lebih awal** untuk mengelakkan pertembungan jadual.

12. Penghantaran Kenderaan

- a. **Percuma** dalam kawasan berdekatan Seksyen 7 Shah Alam.
- b. **Caj penghantaran** akan dikenakan untuk lokasi di luar Shah Alam berdasarkan jarak.

13. Kos Penghantaran MPV

- a. Khidmat penghantaran MPV, 4x4 & Van ke luar Shah Alam dikenakan caj **RM100** untuk sekitar Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

14. Had Perjalanan

- a. Kenderaan sewaan tidak dibenarkan digunakan **di luar destinasi atau perjanjian sewaan**.
- b. Limit perbatuan untuk kegunaan sehari adalah **400KM**
- c. Sila maklumkan kepada pihak syarikat sekiranya ingin mengubah destinasi sewaan.